


# AGENDA 9.0: Peluang Penambahbaikan

## Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) ISO Tahun 2021

19 November 2021 | 9.00 pagi | MENERUSI APLIKASI ZOOM MEETING

# LATAR BELAKANG

Penambahbaikan berterusan dilaksana berdasarkan **keperluan Standard** Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) **ISO 9001:2015 klausa 10.3** dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) **ISO/IEC 27001:2013 klausa 10.2** serta perlu dilaporkan dalam MKSP bagi mematuhi **Klausa 9.3**.

**10.3 Penambahbaikan berterusan**

Organisasi hendaklah secara berterusan menambah baik kesesuaian, kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan kualiti.

Organisasi hendaklah mengambil kira keputusan analisis dan penilaian, dan output daripada kajian semula pengurusan, bagi menentukan jika terdapat keperluan atau peluang yang sepatutnya ditangani sebagai sebahagian daripada penambahbaikan berterusan.






# STATUS PELUANG PENAMBAHBAIKAN QMS & ISMS YANG DIREKODKAN






# PERINCIAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN QMS

**QMS**

| Bil | Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI) | Pelaksanaan Tindakan | Tarikh/tempoh Pelaksanaan | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| 1. | <u>Memacu Pertanian Berteknologi Tinggi</u><br><br>Penambahbaikan dalam sektor pertanian dan keselamatan makanan dengan mentransformasikan pertanian melibatkan penggunaan teknologi tinggi. | a. Penggunaan drone, sistem pertanian pintar, kecerdasan buatan (AI) dan data raya dengan dibantu peningkatan penggunaan mekanisasi, benih bermutu yang rintang penyakit serta berdaya tahan tinggi daripada kesan perubahan iklim serta amalan agronomik mapan. **[FK, FP, Pusat Pertanian Putra]**<br><br>b. Intervensi kurikulum program pertanian yang mempunyai elemen Internet Benda (IoT), bersifat antaradisiplin, berorientasi pasaran (*market driven*) dan bercirikan Revolusi Industri 4.0. **[FP]**<br><br>c. Pembangunan dan penawaran Program pengajian Bacelor Teknologi Pertanian Pintar. **[FP]**<br><br>d. Penstrukturan dan penjenamaan semula Taman Pertanian Universiti bagi mengelola pembangunan pertanian di UPM. **[Pusat Pertanian Putra]** | 2021- 2025 | |

# PERINCIAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN QMS

| Bil | Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI) | Pelaksanaan Tindakan | Tarikh/tempoh Pelaksanaan | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| 2. | Membangunkan Karektor Graduan<br><br>Penambahbaikan kepada aspek kecemerlangan akademik dan pembangunan sahsiah yang bertunjangkan jati diri, patriotisme dan perpaduan. | a. Pelancaran inisiatif Transformasi Akademik; yang merangkumi tiga aspek dalam kurikulum dalam penawaran program akademik iaitu rekabentuk semula kurikulum, kaedah penyampaian berinovasi dan penaksiran alternatif. **[CADe]**<br><br>b. Pelaksanaan PUTRAFLEX iaitu kurikulum fleksibel; yang bersifat boleh lentur dan organic untuk diimplementasikan di UPM dan membolehkan percantuman antara disiplin. **[CADe]**<br><br>c. Inisiatif Dasar Pindah Kredit *Massive Open Online Courses* (MOOC). **[CADe]** | 2021- 2025 | |
| 3. | Penambahbaikan kebolehpasaran graduan melalui program/aktiviti keusahawanan | a. Mewujudkan platform perniagaan baharu iaitu PUTRAbiz@buggy. **[CEM]**<br><br>b. Mewujudkan *Mobile Food Cart.* **[CEM]**<br><br>c. Menganjurkan program Inkubator Agro Top@UPM. **[CEM]** | 2021- 2025 | |

# PERINCIAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN QMS

| Bil | Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI) | Pelaksanaan Tindakan | Tarikh/tempoh Pelaksanaan | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| 4. | Melagang Kampus Pintar Pendigitalan<br><br>Menambahbaik inisiatif dan strategi pelaksanaan kampus pintar. | a. Menggerakkan 30 inisiatif kampus pintar yang meliputi empat kluster iaitu:<br>*i. Digital Learning,*<br>*ii. Smart Manage,*<br>*iii. Secure Campus dan*<br>*iv. IoT Application.*<br><br>yang akan dijenamakan dengan nama Smart PUTRA® **[iDEC]** | 2021- 2025 | |
| | | b. Pembangunan Aplikasi menerusi Inisiatif Kluster *Digital Learning*<br>i. Putra@VID<br>ii. Smart Putra VDI (Virtual Desktop Infrastructure) **[FSKTM]** dan akan dibangunkan di setiap fakulti<br>iii. Smart Putra Future Classroom (PFC) **[FPP]** dan akan digerakkan di setiap fakulti<br>iv. Smart Putra VR Teaching (telah digerakkan di **FSKTM, FPP, FPAS dan HPUPM** dan akan dijadikan projek rintis) | 2021- 2025 | |

| Bil | Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI) | Pelaksanaan Tindakan | Tarikh/tempoh Pelaksanaan | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| | | v. PutraMOOC penawaran kursus dalam talian dengan penambahan 30 kursus **[CADE]**<br>vi. Smart Putra EduCloud (digerakkan oleh **FSKTM** dan **FK**)<br>vii. Smart Putra Premium (usaha ke arah kampus tanpa tunai) **[iDEC]**<br>viii. Smart Farming **[iDEC]** | 2021- 2025 | |
| | | c. Mentransformasi SMP4.0 yang melibatkan keperluan infostruktur Sistem Pengurusan Akademik) iaitu inisitif **Pejabat KP Akademik dan Antarabangsa** dan **iDEC**.<br><br>d. Inisiatif Perpustakaan Digital menerusi *Information Kiosk*, *Book Vending Machine*, *Drive Thru Service* untuk peminjaman dan pemulangan buku, *Enhance and Increase Digital Content*, *Virtual Reality Application* dan *Online Information Literacy Programme* oleh **Perpustakaan Sultan Abdul Samad**. | 2021- 2025 | |

# PERINCIAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN QMS

| Bil | Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI) | Pelaksanaan Tindakan | Tarikh/tempoh Pelaksanaan | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| | | e. Inisitif Kluster *smart manage* iaitu inisitif sokongan perkhidmatan/ aktiviti Universiti seperti kehadiran kuliah, aktiviti universiti, pengurusan aktiviti pelajar dan lain-lain. Melalui:<br>i. PutraEvent<br>ii. PutraVoting<br>iii. PutraBus<br>iv. PutraFace<br>v. PutraVisitor<br>vi. PutraRepo<br><br>**[iDEC]** | 2021- 2025 | |
| 5. | Kelestarian Tadbir Urus<br><br>Pemantapan governan | Penstrukturan dan menaik taraf Unit Integriti, PNC dan penggabungan dengan Bahagian Governan kepada Bahagian Governan dan Integriti, Pejabat Pendaftar<br>**[Pejabat Pendaftar]** | 2021 | |

# PERINCIAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN QMS

| Bil | Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI) | Pelaksanaan Tindakan | Tarikh/tempoh Pelaksanaan | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| 6. | Transformasi Governan UPM | Penjenamaan dan penstrukturan semula Institut Teknologi Maju (ITMA) dengan nama baharu iaitu Institut Nanosains dan Nanoteknologi (ION2), bagi meningkatkan:<br><br>a. keterlihatan bidang tujahan nanosains dan nanoteknologi;<br><br>b. keterlihatan kepakaran penyelidik dalam bidang tujahan; dan<br><br>c. peluang kolaborasi penyelidikan antara penyelidik tempatan dan antarabangsa dalam bidang nanosains dan nanoteknologi | 2021 | • Kelulusan Mesyuarat Senat Bil. 675/4 pada 9 April 2020, serta persetujuan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti ke-150 (150/10) pada 16 Mac 2021<br>• Kelulusan mesyuarat JPU, minit 782 |
| 7. | Penambahbaikan pengurusan bakat dan pelan penggantian berasaskan kompetensi. | a. Sistem *Human Resources Transformation* (HRT) dan sistem pengurusan bakat lain bagi menggantikan sistem e-IHRAMS.<br><br>b. Penilaian perlu merangkumi kecemerlangan para akademik dalam pembangunan pelajar serta jaringan industri dan masyarakat<br><br>**[Pejabat Pendaftar & iDEC]** | 2021- 2025 | |

# PERINCIAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN QMS

| Bil | Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI) | Pelaksanaan Tindakan | Tarikh/tempoh Pelaksanaan | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| 8. | Mengukur tahap kesejahteraan warga UPM secara menyeluruh bagi menyokong inisiatif *Work-Life Balance* (WLB).<br>**[IPSAS]** | Penjenamaan semula Indeks Kegembiraan Warga UPM (Happiness Index) kepada Indeks Kesejahteraan Warga UPM | 2021 | |
| 9. | Perancangan dan pewujudan laluan kerjaya yang lebih baik kepada Jurufoto UPM<br>**[PSPK]** | Pemusatan semula penempatan jurufoto PTJ di UPM | 2021 | |

# PERINCIAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN QMS

| Bil | Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI) | Pelaksanaan Tindakan | Tarikh/tempoh Pelaksanaan | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| 10. | Melonjak Penjanaan Pendapatan<br><br>Penambahbaikan aktiviti penjanaan pendapatan Universiti **[Pejabat Bursar, Pusat Alumni, WAZAN, Pusat Penerbit]** | a. Penjualan Nombor Kenderaan Khas UPM dengan Prefiks UPM.<br><br>b. Pelaksanaan 6 strategi, iaitu:<br><br>i. Memperkasa peranan jawatankuasa Penjanaan Pendapatan Universiti;<br>ii. Mengimarahkan semangat menyumbang semula (giving back) alumni UPM;<br>iii. Memperkukuh dan mempergiatkancapaian aktiviti wakaf dan endowmen WAZAN UPM kepada syarikat gergasi dan GLC dalam dan luar negara;<br>iv. Memberikan sokongan peruntukan odal awalan, pendahululan atau seed capital bagi mendahulukan pembayaran sesuatu aktiviti penjanaan baharu yang berimpak tinggi;<br>v. Inisitif 1 PTJ 1 pendanaan; dan<br>vi. Mewujudkan rumah cetak Pusat Penerbit UPM | 2021- 2025 | |

# PERINCIAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN QMS

| Bil | Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI) | Pelaksanaan Tindakan | Tarikh/tempoh Pelaksanaan | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| 11. | Pembudayaan Norma Baharu bagi menjamin kelangsungan operasi Universiti agar terus lestari dan berdaya tahan | a. Memperbanyakkan penganjuran program/aktiviti debat dan wacana cendekia secara maya pada peringkat PTJ/Universiti bagi mengekalkan momentum budaya wacana dan kecendikiawan; **[PTJ]**<br>b. Pelaksanaan lebih banyak tawaran geran Inisiatif Putra Siswazah bagi menyuntik semangat tenaga akademik untuk terus menyumbang ilmi; dan **[SPS]**<br>c. Penjenamaan program penasihat industri di PTJ kepada CEO@PTJ **[CEM]** | 2021- 2025 | |
| 12. | Memartabat kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi | a. Mewujudkan jurnal berbahasa Melayu yang akan menyediakan ruang kepada para akademia menerbitkan hasil penyelidikan dan berkongsi kepakaran mereka dalam jurnal berbahasa kebangsaan ini. **[FBMK]**<br>b. Para akademia yang berhasil menerbitkan penerbitan dalam bahasa Melayu sama ada dalam buku akademik atau jurnal akan memperoleh merit atau bonus dalam permohonan kenaikan pangkat **[FBMK]** | 2021- 2025 | |

# PERINCIAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN QMS

| Bil | Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI) | Pelaksanaan Tindakan | Tarikh/tempoh Pelaksanaan | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| 13. | Penambahbaikan kepada senarai bantuan kewangan sedia ada **[Sekolah Pengajian Siswazah]** | Satu skim biasiswa baharu iaitu Biasiswa Khas Wartawan (BKW) ditawarkan untuk pelajar dari kalangan wartawan yang telah mendapat tawaran pengajian siswazah khususnya program Master Secara Kerja Kursus, Master Secara Penyelidikan dan PhD di UPM, iaitu terhad kepada 5 tempat setiap tahun selama 5 tahun sahaja. | Berkuatkuasa Semester 2 2020/2021 | Kelulusan JPU Minit 712.05 (d) pada 25 Jun 2020, dan JKTK Minit 13/3(2020) pada 10 November 2020 |
| 14. | Menambahbaik proses pendaftaran bidang pengajian program siswazah Master Sains dan PhD secara Penyelidikan di bawah Daftar Kelayakan Malaysia (MQR) **[Sekolah Pengajian Siswazah]** | Sebanyak 301 bidang program Master Sains dan PhD secara penyelidikan telah didaftarkan dalam MQR di bawah 23 Kod NEC, bagi memastikan semua bidang pengajian program siswazah di UPM berdaftar di bawah MQR. Pihak SPS juga telah mengemaskini prosedur berkaitan di mana dalam proses tersebut pihak SPS akan menyedia dan memajukan dokumen yang berkaitan kepada pihak CQA UPM untuk membuat permohonan kepada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi pendaftaran di bawah MQR. | 11 Februari 2021 | Mesyuarat Senat Bil 686 (11 Februari 2021) |

# PERINCIAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN QMS

| Bil | Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI) | Pelaksanaan Tindakan | Tarikh/tempoh Pelaksanaan | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| 15. | Penambahbaikan/ Pindaan kepada Peraturan/Proses Siswazah Berdasarkan Standards: Master's and Doctoral Degree (SMDD 2021) **[Sekolah Pengajian Siswazah]** | Keperluan pematuhan SMDD sebagaimana Surat Pekeliling MQA Bil. 1/2021 bertarikh 24 Mac 2021 telah menyatakan pelaksanaan dan pemakaian edisi terkini SMDD adalah pada 1 April 2021 sehingga 31 Mac 2022 iaitu tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh untuk mematuhi ketetapan dokumen. Berikut adalah antara pindaan yang telah/sedang dalam proses penambahbaikan: | | |
| | | a. Pindaan Kaedah Pelaksanaan Program Master dan PhD Secara Industri | Semester Pertama 2021/2022 | JKPSU ke-465 pada 29 Julai 2021 dan Senat ke-693 pada 12 Ogos 2021 |
| | | b. Pembentukan Program Retrospektif/*Prior Publication* | Setelah mendapat kelulusan JPT | JKPSU-466 (26 Ogos 2021), dan Senat Bil 694 (9 September 2021 |
| | | c. Pindaan Syarat Naik Taraf Program Daripada Master ke PhD | Semester Pertama 2021/2022 | JKPSU ke-466 (26 Ogos 2021) dan Senat Bil 693 (9 September 2021) |

# PERINCIAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN QMS

| Bil | Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI) | Pelaksanaan Tindakan | Tarikh/tempoh Pelaksanaan | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| | | c. Penambahbaikan Pemetaan domain tujuh (7) hasil pembelajaran program (PO) UPM kepada lapan (8) PO dan deskripsi lapan (8) PO generik UPM berdasarkan SMDD 2021 | Semester Pertama 2021/2022 | JKPSU ke-467 (30 September 2021) dan Senat Bil-696 (14 Oktober 2021) |
| | | d. Pindaan Kriteria Lantikan Jawatankuasa Penyeliaan Pelajar | Semester Kedua 2021/2022 | JKPSU 468 (1 November 2021), dan akan dibawa masuk ke Senat 697 (11 November 2021) |
| | | e. Pindaan Syarat Kelayakan Masuk bagi Semua Program Pengajian Siswazah | Semester Kedua 2021/2022, Trimester Ketiga 2021/2022 dan Sesi Pertama 2022/2023 | JKPSU 468 (1 November 2021), dan akan dibawa masuk ke Senat 697 (11 November 2021) |
| | | f. Penetapan Bilangan Minimum dan Maksimum Perkataan untuk Tesis PhD dan Master | Semester Pertama 2021/2022 | JKPSU ke-467 (30 September 2021) dan Senat Bil-696 (14 Oktober 2021) |

# PERINCIAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN QMS

| Bil | Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI) | Pelaksanaan Tindakan | Tarikh/tempoh Pelaksanaan | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| 16. | Penambahbaikan kepada sesi Viva Voce pelajar siswazah **[Sekolah Pengajian Siswazah]** | Fakulti/Sekolah/Institut diberi pilihan untuk menentukan keperluan melantik atau tidak Penolong Pengerusi bergantung kepada bilangan pensyarah kanan yang ada, dan juga bidang pengajian pelajar.<br>Kadar bayaran kepada Pengerusi bagi viva voce yang melibatkan Penolong Pengerusi adalah kekal seperti mana yang diamalkan kini. Manakala, bayaran kepada Pengerusi bagi viva voce tanpa Penolong Pengerusi adalah berdasarkan kepada bayaran yang pernah digunapakai terdahulu. | Ogos 2021 | Minit 691.08 - Mesyuarat Senat pada 8 Julai 2021 |
| 17. | Perluasan keperluan terkini untuk memenuhi keperluan bergraduat **[Sekolah Pengajian Siswazah]** | Mesyuarat Senat telah bersetuju meluluskan cadangan mengekalkan penerimaan Hak Cipta (*Copyright*), Rekabentuk Perindustrian (*Industrial Design*) dan *Printed Circuit Board/Layout-Designs of Integrated Circuits* sebagai setara dengan penerbitan jurnal dan pemfailan paten untuk memenuhi keperluan bergraduat | Semester Pertama 2021/2022 | Senat 696 pada 14 Oktober 2021 |

# PERINCIAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN ISMS

**ISMS**

| Bil | Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI) | Pelaksanaan Tindakan | Tarikh/Tempoh Pelaksanaan | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Mengintegrasikan soal selidik pihak berkepentingan ISMS bagi proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah ke dalam Sistem e-Daftar bagi memudahkan pelajar menjawab soal selidik secara maya.<br><br>**[Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)]** | Soalan kaji selidik pihak berkepentingan ISMS diintegrasikan ke dalam Buku Panduan Pendaftaran dalam Sistem e-Daftar.<br><br>Pelajar baharu prasiswazah yang mendaftar perlu menjawab soalan soal selidik pada pautan yang tertera dalam Buku Panduan Pendaftaran tersebut bermula daripada tarikh surat tawaran dikeluarkan sehingga sistem e-Daftar ditutup untuk pendaftaran. | Telah dilaksanakan semasa kemasukan Pelajar Baharu Prasiswazah Sesi 2021/2022 pada 9 hingga 10 Oktober 2021 | Peratusan respondan meningkat dari tahun sebelumnya<br><br>Tahun 2021 = 86%<br>Tahun 2020 = 64% |
| 2. | Menambahbaik sistem sokongan Pusat Data Utama bagi memastikan Pusat Data Utama berada dalam ketersediaan yang terbaik, berkualiti dan dapat menjamin keselamatan maklumat di UPM.<br><br>**[Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi]** | Pemasangan alat *dehumidifier* bagi mengatasi masalah kondensasi dan kelembapan pada ruang pintu belakang Pusat Data Utama. | 21 Disember 2020 | - |
| 3. | Menambahbaik sistem sokongan Pusat Pemulihan Bencana bagi memastikan Rangkaian Pusat Pemulihan Bencana berada dalam ketersediaan yang terbaik, berkualiti dan dapat menjamin keselamatan maklumat di UPM.<br><br>**[Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi]** | Penggantian sistem pendingin udara *Network Operation Center (NOC)* di Pusat Pemulihan Bencana lengkap dengan sistem penggiliran automatik. | 30 Ogos 2021 | - |

# SYOR

Mesyuarat diminta mengambil makluman dan perhatian:

1. **keperluan melaksanakan penambahbaikan secara berterusan** dan melaporkan dalam MKSP bagi mematuhi keperluan Standard MS ISO 9001:2015 dan MS ISO/IEC 27001:2013;

2. **Sebanyak 17 peluang penambahbaikan QMS dan 3 peluang penambahbaikan ISMS** yang telah direkodkan oleh Pusat Tanggungjawab bagi memastikan keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di UPM.

# Terima Kasih

UniPutraMalaysia @uputramalaysia uniputramalaysia universitiputramalaysia

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE